

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

- (a) Manakah klinik veterinar Kerajaan yang menjalankan khidmat pengkasian bagi anjing dan;
- (b) Apa sebabnya terdapat klinik veterinar yang tiada perkhidmatan tersebut dan adakah perkhidmatan pengkasian boleh dilakukan ke atas anjing liar

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pengkasian haiwan merupakan proses pembuangan organ seks jantan haiwan bagi mengawal populasi dan mengurangkan jumlah anjing dan kucing terbiar. Khidmat pengkasian boleh didapati di 16 buah Klinik Veterinar Kerajaan di Semenanjung (tidak termasuk di Sabah dan Sarawak).
2. Khidmat pengkasian terutama bagi anjing adalah terhad di Klinik Veterinar Kerajaan tersebut kerana ianya mempunyai kepakaran dalam prosedur pembedahan bagi tujuan pengkasian anjing, mempunyai peralatan dan kakitangan yang mencukupi, dan ruang operasi pembedahan yang bersesuaian.
3. Walau bagaimanapun, perkhidmatan pengkasian bagi anjing liar yang terbiar tidak ditawarkan di Klinik Veterinar Kerajaan kerana dikhuatiri boleh memberikan kesan negatif kepada kesihatan haiwan-haiwan peliharaan lain di klinik tersebut. Namun demikian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa menawarkan perkhidmatan rawatan asas bagi memastikan kesihatan haiwan peliharaan dan kebajikannya sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membetulkan sukatan buku teks Sejarah berkaitan pembentukan Malaysia oleh Sabah, Sarawak dan Singapura pada 16 September 1963.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penulisan buku teks Sejarah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM. Buku teks ditulis mengikut perkembangan kurikulum semasa dan telah dirujuk kepada Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang sentiasa memastikan kesahihan fakta dan sesuatu peristiwa sejarah. KPM sentiasa mengambil perhatian dalam penulisan tentang Pembentukan Malaysia dengan merujuk kepada saranan dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Setakat ini, KPM belum menerima maklumat berkaitan kesalahan fakta dalam buku teks sejarah sekolah rendah dan menengah. Sekiranya terdapat kesalahan fakta yang dikenal pasti dalam buku teks sejarah KPM, pihak yang berkenaan perlu mengemukakan bukti supaya pihak KPM dapat mengambil tindakan segera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mempunyai tiga (3) mekanisme bagi memastikan semua fakta dan peristiwa sejarah yang terdapat didalam Buku Teks Sejarah KPM adalah sahih dan tepat:

1. Pelantikan 14 Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah Dan Buku Teks Sejarah KPM

Fakta sejarah dalam kandungan Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah diteliti, disemak dan dikawal mutu kesahihannya oleh satu panel khas iaitu Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah KPM yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Panel ini terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, universiti, kaum dan gender. Pembentukan panel ini bertujuan memastikan fakta sejarah negara dalam pengubalan Kurikulum Sejarah dan penerbitan Buku Teks Sejarah adalah tepat dan benar berdasarkan sumber dan bahan sejarah yang sebenar. Panel ini berfungsi untuk mengawal mutu kurikulum sejarah dan buku teks sejarah yang dihasilkan mengikut kronologi sejarah negara tanpa memesongkan

dan menokok tambah fakta sejarah. Kandungan kurikulum Sejarah dan buku teks Sejarah yang dikemukakan mencerminkan usaha pelbagai kaum yang diterajui dan diwakili oleh tokoh-tokoh tertentu untuk memperjuangkan kelangsungan negara kita berdasarkan garis masa.

2. Proses Penerbitan Yang Semakin Ketat

Proses penggubalan Kurikulum Sejarah dan penulisan buku teks Sejarah adalah sangat ketat (rigid) kerana disemak dan dikawal mutu oleh beberapa panel Jawatankuasa Penilaian dan Pemantapan yang telah melalui satu proses tapisan, pemilihan dan lantikan oleh KPM. Jawatankuasa ini terdiri daripada guru-guru cemerlang Sejarah dan pensyarah dari institut pendidikan guru dan institut pendidikan tinggi awam yang berlatar belakangkan opsyen mata pelajaran Sejarah serta terdiri daripada wakil pelbagai kaum dan zon dari seluruh negara. Proses penilaian, pemurnian dan pemantapan yang dilakukan terhadap kurikulum dan penulisan buku teks juga dilakukan beberapa kali dengan berhati-hati serta mengikut SOP penggubalan kurikulum dan SOP Penerbitan Buku Teks.

3. Sumber Berwasit, Benar Dan Tuntas

Fakta yang dijelmakan dalam buku teks sejarah KPM adalah melalui perwasitan yang ketat sebelum diterbitkan. Dokumen sejarah yang benar dari Arkib Negara dan Bahan Artifak yang tuntas dari Jabatan Muzium Negara juga dijadikan sebagai sumber rujukan lain yang mengesahkan kesahihan fakta pada Buku Teks Sejarah KPM. Selain itu, penulisan mengenai semua kaum etnik dan kepelbagaian masyarakat perlu dapat pengesahan Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini adalah salah satu mekanisma bagi menjaga keharmonian, kesopanan dan kesepaduan dalam penulisan fakta sejarah, pengajaran dan pembelajaran untuk faedah dan manfaat semua rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.